FALSAFAH DAN KEBUDAYAAN

Ceramah Sutan Takdir di Singapura

Dengan anjuran Badan Pelajaran Melayu Singapura, Sutan Takdir Ali Sjahbana pujangga Indonesia yang terkenal, yang telah singgah di sini tidak berapa lama dahulu, telah memberi ceramah tentang "Kerjasama Kebudayaan Antara Tanah Melayu dan Indonesia". Pati ceramahnya itu kami sajikan seperti berikut:

Kepada saya diminta untuk bercakap tentang soal kerjasama kebudayaan antara Indonesia dan Malaya. Soal ini sesungguhnya soal yang umum sekali. Soal kerjasama kebudayaan ini tentulah bukan baharu, tetapi teristimewa sekali sesudah Perang Dunia Kedua ini menjadi sesuatu yang sangat menarik perhatian. Boleh kita katakan tiap-tiap hari sekarang ini kita mendengar tentang kerjasama kebudayaan antara berbagai-bagai negara mengirimkan utusan kebudayaan ke negara yang lain dan berbagai-bagai negara menawarkan bantuan kebudayaan.

Sesungguhnya sekarang ini kerjasama kebudayaan ini ialah suatu perkara yang sangat menarik perhatian dan banyak sekali pula bentuknya, caranya menjelma dalam perhubungan pada zaman ini.

Pada umumnya apabila orang berkata tentang kerjasama kebudayaan, ditekankan kepada kerjasama atau pertukaran tentang ilmu, tentang hal kesenian. Perkataan kebudayaan dipakai bukan pada ertinya yang luas melingkungi dari segala usaha manusia kepada ilmu, kepada seni, kepada perguruan, dan lain-lain. Sebenarnya hal ini telah selayaknya demikian, oleh kerana kebetulan dalam lapangan seni, jiwa manusia itu menjelma dalam sebuah bentuk yang terindah. Atau dapat dikatakan dalam sesuatu bentuk yang lepas daripada sesuatu tujuan sehingga manusia itu dalam suasana ilmu, dalam suasana seni, dapat berhadapan sesamanya dengan hati yang lapang, dengan melepaskan tujuan-tujuan yang lain yang kerapkali menimbulkan perselisihan malahan perjuangan antara bangsa-bangsa.

Sesungguhnya dalam ilmu itulah jiwa manusia hanya ditujukan kepada suatu tujuan iaitu kebenaran dan untuk mencari kebenaran semata-mata, bukan kebenaran untuk dapat berkuasa, bukan kebenaran untuk dapat menjadi kaya. Dalam ilmu, jiwa manusia bergerak berusaha hanya untuk mencari kebenaran, kebenaran yang tak dapat dimadukan. Hanya di dalam teknik, kebenaran yang diperoleh itu dipakai untuk tujuan yang lain yang menjadi keperluan manusia. Demikian pula di dalam seni, manusia itu, meskipun dengan memakai kebenaran hukum-hukum tentang alam dan kenyataan yang diperoleh ilmu untuk sesuatu maksud, tetapi maksudnya itu

pun, ialah maksud yang dapat diterima oleh semua orang.

Manusia juga memakai ilmu pengetahuan untuk menciptakan keindahan dan dalam keindahan pun, lepas segala keinginan untuk mencapai kekuasaan dan kekayaan. Baharulah akan merasa lega, merasa lapang, merasa besar sendiri dengan tiada tujuan yang lain.

Selayaknya di dalam suasana kerjasama kebudayaan yang seperti itu akan dapat lapangan berhadapan di antara satu dengan yang lain, dapat membuka hati masing-masing. Tetapi meskipun begitu faktor kerjasama dalam lapangan kebudayaan itu tidaklah sebersih seperti semestinya. Sebabnya dalam kehidupan dunia kita sekarang ini yang terpecah-pecah kepada berbagai negara yang masing-masing menjalankan ekonomi dan politiknya sendiri, yang kerapkali tidak berjalan sesamanya tetapi penuh dengan pertentangan, ahli politik pun hendak memperalatkan kebudayaan itu untuk tujuan politik. Inilah salah satu daripada faktor kerjasama kebudayaan sekarang ini, iaitu sebagai alat daripada tujuan-tujuan politik.

Sedikit sebanyak di alam dunia ini kelihatan kepada kita kerjasama kebudayaan, iaitu rombongan rasmi kebudayaan dengan tarian-tarian dan seni-seninya yang bermacam-macam, yang dipertukakan itu, dapat kita bandingkan dengan syiriah yang disogokkan, yang dihidangkan untuk menimbulkan suatu suasana dahulu sebelum tiba kepada kerja yang sesungguhnya. Inilah suatu faktor yang sedang wujud sekarang ini dan dalam hal yang seperti ini kebudayaan itu menjadi alat dari ahli-ahli politik yang mempunyai maksud yang kerapkali disembunyikannya masing-masing.

Demikian kelihatan kepada kita sekarang ini kalau dikirimkan sesuatu rombongan kebudayaan yang rasmi ke suatu daerah, daerah yang lain meminta pula. Kita tahu kedua-dua daerah itu bertentangan. yang satu memanggil, yang lain memanggil malahan dalam kegayatan kebudayaan itu telah kelihatan terbayang-bayang di belakangnya, ada maksud-maksud yang jauh daripada maksud kebudayaan yang sebenarnya, di mana jiwa manusia dalam bentuk yang seindah-indahnya mencari kebenaran dan mencari keindahan dengan tidak mahu dimadu dengan tujuan dan kehendak-kehendak yang lain. Dalam bentuknya yang agak lebih baik kelihatan kepada kita, kerjasama kebudayaan itu misalnya terbentuk dalam UNESCO dimana negara-negara itu tahu juga kalau semua ini terlampau dipolitikkan, banyak yang rugi. Kalau dapat juga kita berbagai hal dilakukan dengan bersama untuk keuntungan bersama maka timbullah UNESCO dengan bermacam-macam cabangnya, cabang kebudayaannya, cabang ilmunya dengan bermacam-macam ilmu. Jadi bagaimana sekalipun kelihatan kepada kita di sini politiklah yang menentukan dan dalam susunan UNESCO itu kelihatan kepada kita susunan-susunannya pun bernegara satu persatu. Kelihatan kepada kita kadang-kadang, perjuangan-perjuangan antara politik negara itupun sampai masuk ke dalam UNESCO itu.

Sebab yang lain lagi yang saya pandang sangat menggirangkan, pada zaman kita ini ialah tentang timbulnya manusia-manusia yang besar yang tidak mahu dijadikan alat oleh politik, yang tahu bahawa politik dalam dunia sekarang ini terpecah-pecah dalam negara yang bertentangan yang masing-masing hanya melihat soal dunia dari jurusan negaranya masing-masing. Dengan timbulnya golongan manusia-manusia yang bebas maka timbullah pula soal-soal dunia yang lebih luas perhubungannya dengan kemanusiaan, dari hubungan ilmu sebagai ilmu, dari hubungan seni sebagai seni. Misalnya seperti yang baharu saya kunjungi di Tokyo iaitu Kongres P. I.

Sambungannya pada muka 45

Ceramah Sutan Takdir

Sambungan dari muka 8

N. (Kongres Pengarang-pengarang Novel) yang terlepas dari soal-soal kenegaraan, tiap-tiap P.A.N. sintar (kumpulan pengarang-pengarang novel) di tiap-tiap negara itu berdiri sendiri tak berhubungan dengan negaranya, dan dalam memperkatakan kongres itupun wakil-wakil itu bukan wakil dari negara tetapi wakil-wakil daripada P.A. N. sintar masing-masing, di mana penulis-penulis itu ialah manusia yang bebas.

Syukurlah dalam zaman kita yang penuh bertentangan sekarang ini, di mana pertentangan-pertentangan itu oleh kemajuan teknik manusia boleh menghancurkan peri kemanusiaan, sesungguhnya harus kita menerima golongan-golongan itu, sebagai manusia yang dapat berfikir dengan lapang seperti itu, harus kita terima sebagai suatu kemajuan sumbangan zaman kita yang sesungguh-sungguhnya. Saudara sekalian, tentulah apabila kepada saya sekarang ini diberi tugas untuk bercakap di dalam kerjasama kebudayaan antara bangsa Malaya ini dengan Indonesia tentulah kerjasama itu akan berlaku mengikuti jalan-jalan politik, seperti biasa di negeri-negeri sekarang ini, dan yang berlaku dijalan-jalan politik ini tentu akan membayangkan susunan politik di Indonesia dan akan membayangkan susunan politik di Malaya, berubah susunan politiknya mungkin berubah pula cara kerjasama yang melalui saluran-saluran politik itu. Oleh kerana perasaan itu adalah salah satu tanda daripada zaman sekarang, tentu dengan saluran politik dengan saluran-saluran rasmi ini akan berlaku bermacam-macam kerjasama kebudayaan antara Indonesia dan daerah Malaya ini. Dan di sisi itu tentu pada kesan saya tak kurang pentingnya dalam suatu kerjasama juga yang lahir daripada orang-orang perseorangan dari kedua belah pihak yang tidak mahu diikat oleh apa-apa yang kebetulan pada suatu ketika sedang berkuasa.

Saya sebagai orang yang datang ke sini, sebagai orang biasa, tidak ada hubungan politik, saya sebenarnya hendak menekankan yang kedua itu. Inilah yang lebih penting, inilah yang lebih tahan uji oleh zaman, inilah yang akan membuka kebahagiaan yang lebih panjang, dan kalau kita terima bahawa seluruh dunia mesti akan timbul kerjasama antara manusia yang satu yang sedar bahawa dunia kita ini sudah semakin kecil; lebih-lebih lagi antara Tanah Melayu ini dengan Indonesia, banyak sekali tali-tali yang menganjurkan malahan saya katakan yang memaksakan kita mahu tak mahu mesti mengadakan kerjasama kebudayaan dalam lingkungan yang seluas-luasnya, antara sebanyak mungkin orang-orang perseorangan dari kedua belah pihak; oleh kerana bukan sedikit tali-tali yang menghubungkan kita, bukan dalam ratusan dan ribuan malah puluhan ribu tahun.

Apabila saya sudah pulang sekarang ini berkeliling dari Filipina, Hong Kong, Jepun dan tiba-tiba turun di sini untuk pertama kali, saya katakan kepada saudara Za‘ba, saya merasa pulang ke rumah. Dan barangkali banyak di daerah Indonesia yang saya tidak akan merasa tiba-tiba pulang ke rumah. Tidak sangka bahawa banyak betul persamaannya itu dan kalau kita agak melihat kebelakang sedikit alangkah jauh sejarah yang memperhubungkan kita itu?

Ketika manusia terjadi dan bersebaran di dataran tinggi ini, maka dipergunungan Yunani, oleh perjuangan hidup, sedikit demi sedikit telah mengikuti sungai-sungai mengalir ke selatan dan daripada waktu itu kita telah berhubungan, sama-sama mendiami pantai selatan asia dan dari sana dengan kapal-kapal yang kecil bangsa kita bersebar ke seluruh daerah Pasifik dan daerah India

yang besar ini, dari Madagascar sampai ke Pulau Easter, dari Formosa sampai ke selatan. Barangkali kalau kita ambil daerah yang seluas itu sekarang ini terlampau luas bagi fikiran kita, tetapi perhubungan di antara daerah Malaya dan daerah Indonesia ini jauh lebih rapat daripada perhubungan orang Indonesia dengan orang di Madagascar dan orang Formosa atau pulau-pulau di Pasifik. Kemudian bergelombang datang orang berpindah dari tanah dataran dan dari kepulauan Indonesia ke sini. Berabad-abad perhubungan darah tidak putus-putusnya dan tingkatan-tingkatan yang sama yang kita lalui. Sebelum kedatangan orang Hindu ke sini kita telah melalui sejarah yang sama. Ahli sejarah barat yang menyelidiki tentang hukum-hukum adat kita, tentang bahasa kita, tentang bentuk kampung san desa kita, maka ternyatalah banyak sekali hal bersamaan. Ketika itu datang bangsa Hindu, maka kita juga melalui sejarah yang sama. Pengaruh ini sama tersebarnya di Indonesia dan Tanah Melayu ini tidak ada batas satu apa pun.

Kemudian datang zaman Islam, kita mengalami lagi tingkat-tingkat sejarah yang sama dan penghidupan yang sama dan sesudah tiba lagi zaman penjajahan dari barat, itu pun dapat kita katakan tidak banyak perbezaan yang kita alami. Perubahan-perubahan jasmani atau rohani yang berlaku di negara kita ini hanyalah sesuatu kebetulan, oleh kerana Eropah berpecah, maka kita ikut berpecah pula di sini.

Tetapi lebih lagi daripada sejarah ini, dalam waktu yang 3 hari saya di sini, saya merasa ada lagi sesuatu yang lebih kuat barangkali dari sejarah yang mengikat kita, iaitu nasib yang sama. Kita ini,

Saudara sendiri barangkali selalu mendengar khabar dari Indonesia barangkali dibesar-besarkan orang pula seakan-akan Indonesia itu akan runtuh. Ya! Sesungguhnya saudara-saudara kita ini sakit, tiga empat ratus tahun bangsa. kita ini sakit. Kalau dalam politik tentu kita akan mengatakan empiarlis, kapitalis dan banyak kata-kata seperti itu. Lapangan kebudayaan ini ialah kita menyiasati sebab-sebabnya, kita menyelidiki jiwa kita sendiri. Kita yang bersalah bukan orang lain yang bersalah. Kalau orang lain yang satahun lamanya naik kepala, datang ke negeri kita di sini dan kita dapat dijajahnya, tidak salah orang itu, salah kita sendiri, dan kerana itulah maka dapat kita dijajahnya. Boleh jadi dalam suasana politik, ucapan begini tidak diterima, tetapi kalau kita hendak maju, satu ketika hendaklah kita sedar, bahawa tiap-tiap kedudukan kita itu kita yang salah, kita yang menyebabkannya, nasib kita itu ada ditangan kita. Kalau tidak ada kesedaran ini, tidak dapat kita naik, kita hanya menunggu orang lain berbuat baik kepada kita.

Dalam beberapa hari di sini, sedar benar saya bahawa baik di Indonesia baik di Malaya ini, kita ini bangsa yang sama yang lama sakitnya, dan yang sekarang ini baharu mempunyai harapan sedikit mungkin akan ada kebaikannya; sebab kalau sudah terlalu lama tidur, kaki kita sudahkaku hendak berjalan lagi, batu yang kecil sudah membuat kita jatuh banyak benar kesulitan dan dalam hal ini. Ada orang berkata kegirangan yang bersama-sama kita alami itu menjadi kegirangan yang berlipat ganda. Sebaliknya kesedaran akan kemelaratan dan kesengsaraan yang sama-sama dideritai itu membahagikan kesyukuran dan kesedihan itu (antara kedua belah pihak - P.K).

Dalam hal inilah perlu benar kita masing-masing memberi anjuran, memberi sokongan memberi bantua, memberi pengertian kepada kita sama-sama, oleh kerana dalam dunia yang besar sekarang ini, dimana tiap-tiap batas telah habis oleh kemajuan teknik. Sebenarnya kita ini sekarang, pulau-pulau terpencil, yang jauh terkebelakang dalam kemajuan dunia ini, ini kita terima, kita sedari dan hanya akan dapat kita atasi dengan keyakinan bahawa kita akan sanggup mengatasinya dan ingin mengatasi kesukaran kita itu dengan kemahuan yang dapat menggerakkan gunung; kalau tidak, kita selama-lamanya akan tinggal kebelakang. Dalam dunia ini hanya berlaku satu hukum; iaitu yang kuat, yang pandai, mesti di atas dan kita tidak mahu juga hidup dalam dunia dimana yang bodoh dan lemah di atas.

Yang menjadi soal bagi kita, ialah bagaimanakan kita sekarang, dapat menghidupkan bangsa kita kembali, dan soal ini pada akhir-akhirnya ialah soal kebudayaan, soal jiwa manusia yang memberi keyakinan kepadanya bahawa ia sanggup, bahawa ia mempunyai kemungkinan-kemungkinan yang tiada terhingga, mudah-mudahan keyakinan itu akan dapat menimbulkan usaha kita yang tak mungkin padam-padamnya dan dalam hal inilah pada fikiran saya baik dari pihak Malaya mahupun dari pihak Indonesia akan merasa lega, akan merasa lapang apabila dapat merasa ada teman di seberang sana, ada teman yang mengerti akan kesukaran kita, mengerti soal-soal yang kita hadapi dan yang setiap saat dapat kita mengetuk pintunya meminta tolong di mana yang dia dapat tolong. Sebab yang satu buta dan yang satu lumpuh, apabila si buta dan si lumpuh itu bertemu dapat bekerjasama yang akan memperbaiki keadaan keduanya ini. Dan apabila kita mengkaji kebudayaan kita itu, kita masing-masing akan melihat kehidupan kita, akan melihat bahasa kita, akan melihat seninya, akan melihat segala-galanya menunjukkan kepada kita bahawa hubungan kita itu rapat sekali, bahawa banyak betul persamaan antara kita itu, dan dengan demikian pada fikiran saya kerjasama kebudayaan antara Indonesia dan Malaya ini, dalam hubungan kerjasama yang sekarang ini bermacam bentuknya diseluruh dunia, adalah mempunyai bentuknya yang istimewa sekali yang mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam kedudukan dunia ini; lebih-lebih lagi oleh kerana hubungan yang sangat rapat dan nasib yang sama antara bangsa-bangsa kita, dan oleh hubungan inilah ingin sekali saya mengemukakan kepada saudara-saudara sekalian sekarang ini, alangkah baiknya apabila kita dapat menanamkan suasana semangat kerukunan ini, semangat nasib yang sama, hubungan kebudayaan yang banyak sekali persamaannya ini di mana sekalipun kita berada dibahagian-bahagian negeri masing-masing, kita tak usah menanggungkan semuanya kepada ahli-ahli politik yang kebetulan pada satu ketika mereka memegang kuasa.

Dengan latar belakang kesedaran yang dalam pada masyarakat kita, pasti kita akan terjamin lebih baik, terjamin daripada perebutan kekuasaan yang tidak selalu dikemudikan dengan maksud-maksud yang lurus, yang baik, seperti umumnya politik pada waktu ini.

Soal Jawab

Dalam Ceramah Sutan Takdir

Dalam Qalam yang akan datang, kami akan siarkan isi pertanyaan-pertanyaan dari hadirin dan jawapan Sutan Takdir satu persatu - Pengarang Qalam.